

**Pembelajaran Kata Sapaan Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa**  
*(Learning Malay Greetings for International Students)*

Nor Sahara Mesman\*  
[nor.sahara@fbk.upsi.edu.my](mailto:nor.sahara@fbk.upsi.edu.my)

Diana Jumadi  
[diana@fbk.upsi.edu.my](mailto:diana@fbk.upsi.edu.my)

Nur Hidayah Rashidi  
[nurhidayah@fbk.upsi.edu.my](mailto:nurhidayah@fbk.upsi.edu.my)

Patricia Ganing  
[patricia.ganing@fbk.upsi.edu.my](mailto:patricia.ganing@fbk.upsi.edu.my)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

**Published:** 28 April 2024

**To cite this article (APA):** Mesman, N. S., Jumadi, D., Rashidi, N. H., & Ganing, P. (2024). Pembelajaran Kata Sapaan Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa. *PENDETA*, 15(1), 105–116. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.9.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.9.2024>

### ABSTRAK

Pembelajaran bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa memainkan peranan penting dalam interaksi sosial dan integrasi budaya di Malaysia. Salah satu aspek penting dalam pembelajaran bahasa ialah pemahaman dan penggunaan kata sapaan bagi mencerminkan norma-norma komunikasi yang dihormati dalam masyarakat Malaysia. Objektif utama kajian ini bertujuan untuk mendeskripsi bentuk kata sapaan, menjelaskan faktor yang mempengaruhi pemilihan penggunaan kata sapaan dan mengenal pasti strategi serta pendekatan yang efektif dalam pembelajaran kata sapaan bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan fokus terhadap analisis pengalaman dan persepsi pelajar antarabangsa terhadap pembelajaran kata sapaan. Data dikumpulkan melalui temu bual dengan melibatkan lima orang pelajar antarabangsa yang sedang mempelajari bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Analisis data dilakukan dengan menggunakan pendekatan tematik untuk mengkategorikan tema dan dapatan yang signifikan. Pendekatan pembelajaran yang berorientasi pada konteks sosial dan budaya Malaysia serta penggunaan pendekatan interaktif dan komunikatif sangat efektif dalam meningkatkan pemahaman dan penggunaan kata sapaan bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa. Interaksi langsung dengan penutur natif, situasi belajar yang autentik, dan penggunaan teknologi dalam pembelajaran juga memberikan sumbangan yang besar untuk mencapai tujuan pembelajaran. Hasil kajian ini mendapati bahawa perlunya pembaharuan untuk mengembangkan kurikulum dan mempraktikkan pembelajaran bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa dengan efektif. Implikasi daripada kajian ini amat penting untuk memperlihatkan konteks sosial dan budaya dalam pembelajaran kata sapaan serta pengembangan pendekatan pembelajaran yang menarik dan relevan bagi pelajar antarabangsa.

**Kata kunci:** Pembelajaran bahasa; Kata sapaan; Bahasa Melayu; Pelajar antarabangsa

### ABSTRACT

*Learning Malay for international students plays an important role in social interaction and cultural integration in Malaysia. One of the important aspects in language learning is the understanding and use of greetings to reflect the norms of communication that are respected in Malaysian society. The main objective of this study is to describe*

*the forms of greetings, explain the factors that influence the selection of greetings and identify effective strategies and approaches in learning Malay greetings for international students. This study uses a qualitative approach with a focus on analyzing the experiences and perceptions of international students towards learning greetings. Data was collected through interviews involving five international students who are studying Malay at Universiti Pendidikan Sultan Idris. Data analysis was done using a thematic approach to categorize themes and significant findings. Learning approaches that are oriented towards the social and cultural context of Malaysia and the use of interactive and communicative approaches are very effective in improving the understanding and use of Malay greetings for international students. Direct interaction with native speakers, authentic learning situations, and the use of technology in learning also contribute significantly to achieving learning goals. The results of this study found reforms to develop the curriculum and practice learning Malay for international students. The implications of this study are important to show the social and cultural context in learning greetings as well as the development of interesting and relevant learning approaches for international students.*

**Keywords:** Language learning; Greetings; Malay language; International student.

## PENGENALAN

Kementerian Pengajian Tinggi di Malaysia menubuhkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) 2023 – 2030 untuk mengangkat potensi dan kekuatan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Bahasa Melayu suatu ketika dahulu pernah menerima jolokan sebagai *Lingua Franca*, iaitu bahasa yang digunakan secara rasmi bagi aktiviti perdagangan dan bahasa perhubungan di Nusantara. Pelbagai usaha yang dilakukan untuk mengembangkan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi juga mengambil inisiatif Bahasa Melayu dengan membuka penawaran kursus bahasa Melayu sebagai kursus umum universiti, iaitu kursus wajib yang perlu dipelajari oleh pelajar asing sebagai syarat bergraduat.

Kemasukan pelajar antarabangsa ke institut pengajian tinggi membawa dimensi perubahan kepada sesebuah institusi dan organisasi. Pelajar antarabangsa ini merupakan individu yang diterima sebagai pelajar untuk mendapatkan pendidikan secara formal, di samping mempelajari budaya di negara kita. Konsep memahami budaya sesebuah negara akan memudahkan seseorang untuk menjalani kehidupan di negara berbeza, terutama pengajian dalam tempoh yang lama. Di UPSI, Kursus Asas Komunikasi Bahasa Melayu yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa membolehkan pelajar antarabangsa mempelajari asas komunikasi dalam bahasa Melayu. Kursus ini diajarkan selama 28 jam merangkumi 2 jam seminggu dalam tempoh 14 minggu. Oleh itu, pembelajaran bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa perlu menekankan aspek komunikasi asas seperti kata sapaan untuk dimasukkan dalam silibus pelajaran.

Dalam pembelajaran bahasa, asas perbualan bermula dengan kata sapaan. Kata sapaan yang diajarkan kepada penutur asing ialah cara untuk menyapa orang yang dilawan bertutur dalam bahasa Melayu mengikut konteks yang betul. Dalam konteks pembelajaran pula, kata sapaan diletakkan sebagai elemen penting untuk memulakan bicara. Bentuk kata sapaan ini dibahagi kepada dua, iaitu bentuk formal dan tidak formal. Kata sapaan boleh berlaku dalam konteks rasmi atau tidak rasmi (Awang Sariyan, 2007). Bentuk status sosial secara formal melibatkan perjawatan, status dan juga tertakluk kepada status atau masa. Bentuk formal ini kebiasaannya digunakan oleh pelajar di institusi untuk menyapa pensyarah, kakitangan dan individu yang baru dikenali. Bentuk sapaan tidak formal pula melibatkan pertalian kekeluargaan, umur, jantina dan bentuk perkenalan yang melibatkan kenalan rapat. Mohd Najib Abdul Kadir dan Mohamad Subakir Mohd Yasin (2014) mengkaji fungsi kata sapaan dalam perbualan bahasa Melayu dari perspektif pragmatik dengan implikasi sosial, kesopanan, dan hubungan antara penutur dalam penggunaan kata sapaan turut diperincikan. Dengan mengetahui bentuk sapaan ini, maka dapat memudahkan pelajar untuk mempelajari dan membezakan cara menyapa mengikut situasi.

Dalam tempoh pembelajaran ini, pelbagai teknik yang digunakan untuk membolehkan pelajar antarabangsa mempelajari kata sapaan dengan berkesan. Strategi dan pendekatan dalam pembelajaran juga ditekankan bagi memastikan momentum pembelajaran pelajar antarabangsa terus konsisten. Kaedah dan strategi pembelajaran yang tepat akan menjadikan pembelajaran dapat diukur untuk mengembangkan pemahaman dan penggunaan kata sapaan yang baik dan efektif.

Justeru, kajian ini akan menerangkan berkaitan bentuk-bentuk kata sapaan dan merungkaikan strategi pembelajaran kata sapaan bahasa Melayu bagi penutur asing. Pembelajaran bahasa Melayu meletakkan silibus yang dimulai dengan kata sapaan. Sehubungan itu, kata sapaan ini perlu dikuasai oleh pelajar antarabangsa yang mengikuti pembelajaran di Malaysia.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

1. Mendeskripsi bentuk kata sapaan bahasa Melayu dalam pembelajaran pelajar antarabangsa.
2. Menjelaskan faktor yang mempengaruhi pemilihan bentuk kata sapaan bahasa Melayu dalam pembelajaran pelajar antarabangsa.
3. Mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Melayu pelajar antarabangsa.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pembelajaran kata sapaan dalam bahasa Melayu bagi penutur antarabangsa merupakan komponen penting untuk memulakan komunikasi harian, terutama dalam konteks sosial dan budaya Malaysia. Namun, pelajar antarabangsa sering menghadapi kesulitan dalam memahami dan menggunakan kata sapaan ini dengan tepat. Kajian yang dilakukan oleh Nur Hafizah Zainal Abidin dan Norazman Abdul Majid (2018) meneliti berkaitan pemahaman tentang kesulitan yang dihadapi pelajar antarabangsa dalam memahami dan menggunakan kata sapaan dalam konteks bahasa Melayu dengan menganalisis kesalahan penggunaan kata sapaan dalam komunikasi bahasa Melayu yang dilakukan oleh pelajar antarabangsa.

Kajian ini juga menjelaskan permasalahan ini disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk perbezaan budaya, kurangnya pendedahan kepada situasi sosial sebenar, dan kekeliruan antara pelbagai bentuk kata sapaan yang wujud dalam bahasa Melayu. Namun begitu, cara menyapa bagi setiap negara di dunia berbeza dari segi bahasa dan komunikasi. Perbezaan ini juga boleh dilihat dalam status konteks sosial meliputi umur, jantina dan gelaran menerusi jawatan yang disandang. Apabila mempelajari bahasa kedua mahupun bahasa ketiga, cara sapaan ini akan dilihat mempunyai perbezaan yang signifikan dengan kebiasaan yang diamalkan oleh sesebuah bangsa. Misalnya, cara menyapa di negara barat dimulakan dengan mengucapkan 'helo,' tetapi di negara asia yang berpendudukan majoriti negara Islam memulakan dengan ucapan 'Assalamualaikum'. Begitu juga dalam konteks pembelajaran bahasa, cara menyapa ini dimasukkan dalam silibus pembelajaran untuk diajarkan cara menyapa sesuatu bangsa mengikut budaya yang diamalkan. Pandangan berkaitan budaya dalam pembelajaran bahasa dinyatakan oleh Junaini Kasdan et al. (2018), iaitu pembelajaran budaya perlu diikuti oleh pembelajaran bahasa, manakala pembelajaran bahasa perlu diselarikan dengan pembelajaran budaya. Dengan cara ini, komunikasi yang dituturkan oleh pelajar antarabangsa akan lebih berkesan.

Selain itu, kata sapaan dalam bahasa Melayu tidak hanya berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga mencerminkan hierarki sosial, hubungan kekeluargaan, dan sopan santun dalam budaya Malaysia. Menurut Metzger (2020), salah satu perkara yang penting untuk semua bahasa Asia ialah tingkah laku penutur dan pendengar. Pelajar antarabangsa mungkin menghadapi kekeliruan dalam penggunaan kata sapaan yang sesuai dalam konteks formal dan tidak formal, serta dalam memahami nuansa yang terkait dengan status sosial dan usia. Begitu juga kajian Siti Hajar Abdul Aziz dan Nor Raudzah Md Noor (2017) yang mengkaji fungsi kata sapaan dalam interaksi sosial, iaitu berkaitan peranan kata sapaan dalam pembentukan identiti sosial dan pengaruhnya terhadap hubungan antara individu turut diperincikan. Namun begitu, kesilapan dalam penggunaan kata sapaan boleh menyebabkan salah faham atau dianggap kurang sopan oleh penutur asli.


Tambahan pula, dalam konteks pembelajaran bahasa kebanyakan bahan pengajaran dan pendekatan pengajaran kurang menekankan aspek penggunaan kata sapaan yang betul dan kontekstual. Hal ini mengakibatkan pelajar kurang berkeyakinan dan keliru apabila berkomunikasi dalam situasi sebenar. Pembelajaran bahasa melibatkan bahasa kedua atau bahasa ketiga dilihat sebagai kata

permulaan yang dapat menentukan corak untuk mewarnai kaedah pembelajaran bagi penutur asing. Menurut Dillah Tuah (2018), mempelajari bahasa asing bukan suatu perkara yang mudah, terutamanya bagi bahasa yang jarang digunakan pada peringkat antarabangsa. Kesukaran ini akan mendatangkan rasa bimbang pelajar antarabangsa untuk mempelajari bahasa Melayu (Nurul Shahida Jamil, 2017). Hakikatnya, penutur baharu sesuatu bahasa yang dituturkan agak sukar untuk keluar daripada zon selesa, iaitu dengan mengubah pertuturan mereka menggunakan bahasa baharu yang berbeza daripada menuturkan bahasa ibunda mereka.

Justeru, berdasarkan sorotan kajian ini, jelaslah menunjukkan bahawa dalam konteks pembelajaran bahasa kata sapaan ini dilihat dapat menjadi penanda aras untuk menentukan minat pelajar. Hal ini disebabkan pertemuan atau perkenalan pertama dengan orang yang dilawan bertutur datangnya daripada cara menyapa. Perilaku seseorang apabila menyapa orang lain akan mempengaruhi komunikasi dan interaksi seterusnya. Selain itu, sapaan yang baik akan mewujudkan suasana harmoni dan perbualan yang baik (Junaini Kasdan et al., 2018). Cara ini dapat menarik minat dan memberi motivasi kepada penutur untuk terus mempelajari serta mengamalkan kata sapaan bahasa Melayu, khususnya dalam kehidupan seharian. Hal ini sekaligus dapat memahirkan komunikasi pelajar antarabangsa untuk menuturkan bahasa Melayu dengan baik. Kajian-kajian yang dijalankan menyoroti kepentingan dan keperluan kajian terhadap penggunaan kata sapaan dalam pembelajaran bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa, serta mengenal pasti masalah yang dihadapi untuk mencari penyelesaian yang berkesan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian analisis berbentuk kualitatif ini dijalankan dengan menemu bual lima orang pelajar antarabangsa sebagai responden yang sedang mengikuti pengajian di UPSI. Kajian ini juga menganalisis data yang diperoleh menerusi video tugas yang dihantar oleh pelajar. Pelajar perlu memuat naik video tugas, video tersebut ditonton dan kemudian video tersebut dianalisis menerusi analisis tematik. Analisis tematik diperoleh daripada pemerhatian langsung dan temu bual. Pemerhatian terhadap video tersebut mengambil kira aspek audio dan visual. Aspek audio berkaitan dengan bahasa yang digunakan, intonasi suara dan tindak balas penutur. Selain itu, visual merujuk kepada situasi atau perlakuan dan tindak balas yang dimainkan oleh penutur. Oleh itu, untuk mencapai objektif pertama dan kedua, data dianalisis menerusi kaedah analisis tematik untuk mendapatkan hasil kajian dengan melaksanakan aspek menganalisis dan menetapkan tema. Seterusnya, untuk mendapatkan data temu bual, pengkaji merekod audio dan mentranskripsi hasil rakaman tersebut. Data yang telah ditranskripsi dengan kaedah analisis tematik disesuaikan dengan Teori Pembelajaran Bahasa Kognitif-Sosial yang diperkenalkan oleh Bandura (1986) dengan melihat peranan kognisi dan interaksi sosial dalam pembelajaran bahasa. Pengumpulan data kajian ini dapat dilihat seperti rajah yang berikut:



**Rajah 1** Carta Alir Penganalisisan Data

Jadual analisis data menunjukkan tema yang ditumpukan kepada bentuk kata sapaan menerusi bentuk formal dan tidak formal. Analisis data menerusi kod temu bual dan kod salinan dokumen diletakkan untuk memudahkan tema dibentuk. Data yang dikutip pula perlu dilaksanakan mengikut

prosedur terhadap proses triangulasi dan memperkukuhkan analisis data dalam sesebuah kajian (Miles & Huberman, 1994; Meriam, 2001). Justeru, data yang dianalisis dapat dilihat seperti Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1:** Penganalisan Data berdasarkan Tema

Tema	Subtema	Analisis Data
Bentuk-bentuk Kata Sapaan	Gelaran Sosial Gelaran Ikhtisas Kata Ganti Nama	Dokumen
Faktor Pemilihan	Perbezaan Budaya Kosa Kata Terhad	Temu bual
Strategi Pembelajaran	Kaedah Pelbagai Aktiviti Pengulangan Sebutan Kaedah Latihan	Dokumen

Jadual 1 menunjukkan data dianalisis dan dikelompokkan mengikut tema, iaitu bentuk-bentuk kata sapaan. Seterusnya, data kajian yang diperoleh menunjukkan subtema di bawah bentuk-bentuk kata sapaan, melibatkan gelaran sosial, gelaran ikhtisas dan kata ganti nama, manakala faktor bagi pemilihan kata sapaan diletakkan di bawah subtema perbezaan budaya dan kosa kata yang terhad. Kemudian, penentuan tema bagi objektif kajian yang ketiga dianalisis dengan meletakkan tema strategi pembelajaran meliputi kaedah pelbagai aktiviti, pengulangan sebutan dan kaedah latihan.

### **Teori Kognitif-Sosial dalam Pembelajaran Bahasa**

Data yang diperoleh daripada temu bual pelajar antarabangsa dalam pembelajaran bahasa memerlukan pengamatan dan interaksi sosial untuk meningkatkan keupayaan pelajar dalam mempelajari bahasa. Oleh itu, data yang diperoleh menerusi temu bual dan video tugas dihuraikan dengan menggunakan Teori Pembelajaran Bahasa Kognitif-Sosial. Teori ini diperkenalkan oleh Bandura (1986) dengan memperlihatkan peranan kognisi dan interaksi sosial dalam pembelajaran bahasa kepada empat prinsip, iaitu pemerhatian, mengingat, reproduksi dan motivasi. Berdasarkan analisis dapatan kajian, pelajar antarabangsa mempelajari bahasa Melayu ini dengan menggunakan pendekatan pemerhatian. Pelajar antarabangsa melihat kepada perilaku pensyarah yang menunjukkan penggunaan kata sapaan apabila pertemuan dalam kuliah berdasarkan pada masa dan kesesuaian menggunakan kata sapaan. Walaupun kata sapaan yang dituturkan oleh pensyarah kelihatan mudah, tetapi sukar bagi penutur asing untuk menuturkannya. Kebanyakan pada peringkat awal pembelajaran, pelajar antarabangsa menuturkan kata sapaan berbentuk formal.

Seterusnya, pada peringkat mengingat, pelajar antarabangsa perlu menyimpan maklumat daripada perilaku yang ditunjukkan oleh pensyarah menerusi pemerhatian dalam kuliah. Keupayaan mengingat sesuatu perkataan memudahkan interaksi dengan penutur lain apabila bertemu dan mengelakkan kesilapan dalam bertutur. Prinsip ketiga yang diperkenalkan, iaitu reproduksi yang merujuk kepada menghasilkan semula perkara yang diperhati menerusi praktis. Dalam kajian ini, pelajar antarabangsa diminta untuk menghasilkan video main peranan dengan memasukkan kata sapaan dalam perbualan. Cara ini dapat dianalisis oleh pensyarah berkaitan ketepatan penggunaan kata sapaan. Pensyarah boleh membuat refleksi berdasarkan tugas yang dihasilkan serta memberikan motivasi dengan menggalakkan lagi penggunaan bahasa Melayu dengan tepat. Dengan memahami dan menggunakan konsep-konsep ini dalam pembelajaran bahasa, pensyarah boleh mencipta persekitaran yang menyokong dan memudahkan perkembangan kemahiran berbahasa pelajar dengan efektif.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini menunjukkan dapatan pembelajaran bahasa Melayu pelajar antarabangsa dengan empat prinsip yang dibentuk bersesuaian dengan prinsip pemerhatian, mengingat, reproduksi dan motivasi. Pelajar antarabangsa didedahkan dengan pemerhatian menerusi pengajaran pensyarah. begitu juga dengan prinsip mengingat, pelajar antarabangsa akan didedahkan dengan perlakuan dan kosa kata yang merujuk kepada penggunaan kata sapaan bahasa Melayu. Dapatan juga memperlihatkan pembelajaran bahasa terhadap bentuk-bentuk kata sapaan yang merujuk kepada kata sapaan bagi gelaran ikhtisas, gelaran sosial dan kata ganti nama. Kata sapaan terhadap gelaran ini sangat penting untuk menyapa seseorang dengan tepat berdasarkan perjawatan, kedudukan dan sebagainya.

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa terdapat faktor yang mempengaruhi pemilihan kata sapaan, iaitu faktor perbezaan budaya dan penggunaan kosa kata yang terhad. Semasa pembelajaran bahasa Melayu dilaksanakan, pelajar antarabangsa yang datang dari pelbagai negara membawa budaya mereka dalam komunikasi. Apabila diajarkan dengan pembelajaran bahasa Melayu, dapatan pelajar antarabangsa terhadap kosa kata yang terhad kerana pelajar antarabangsa ini masih baharu dalam menggunakan bahasa Melayu. Seterusnya, dihuraikan secara terperinci berkaitan strategi pembelajaran bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa untuk mengaplikasi penggunaan kata sapaan.

### Bentuk-bentuk Kata Sapaan Berkaitan Gelaran

#### a) Gelaran Sosial

Kata sapaan berbentuk gelaran sosial merujuk kepada sapaan atau komunikasi dengan orang yang tidak dikenali tetapi memerlukan panggilan mengikut pangkat, kedudukan dan status sosial. Gelaran sosial ialah gelaran yang diguna pakai dalam pergaulan secara langsung semasa proses interaksi berlaku dalam sesebuah komuniti (Joyson John & Kartini Abd. Wahab, 2021). Dalam konteks pelajar di institusi, perbualan bersama pensyarah lebih bersifat formal disebabkan status perjawatan yang disandang dan tanda hormat pelajar terhadap pengajar. Selain itu, unsur penghormatan juga diterapkan oleh pelajar berdasarkan perbezaan budaya bagi negara yang berbeza. Oleh sebab pelajar antarabangsa ini merupakan penutur bahasa yang baharu, keupayaan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua atau bahasa ketiga akan mendatangkan masalah kepada pelajar antarabangsa. Pelajar antarabangsa akan berasa kekok kerana bahasa yang dipelajari masih asing bagi mereka.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa kata sapaan dalam bahasa Melayu yang digunakan oleh penutur asing dalam perbualan pada permulaan kata sapaan lebih banyak berbentuk gelaran sosial. Hal ini dapat dilihat seperti Jadual 2 di bawah:

**Jadual 2:** Bentuk Gelaran Sosial

Kata Sapaan	Contoh
Encik	Bahar : Boleh saya bantu, encik. Khalid: Boleh. Tidak ada masalah.
Puan	Sakura : Selamat datang ke Kafe D'Santai. Icey : Terima kasih. Sakura: Silakan duduk, puan. Icey : Terima kasih.

Berdasarkan Jadual 2, analisis dapatan kajian mendapati bahawa apabila seseorang yang baru atau tidak dikenali membuat sebarang urusan akan berlaku sekatan sosial tertentu disebabkan pihak yang menyapa tidak mengenali antara satu sama lain. Contohnya, dalam situasi di kafeteria, pelayan kafeteria akan menyapa dengan panggilan 'puan' yang merujuk kepada wanita dan gelaran 'encik' merujuk kepada lelaki. Gelaran kata sapaan umum ini juga digunakan secara meluas, terutama kepada orang yang tidak dikenali. Asmah Omar (2009) menyatakan bahawa gelaran pergaulan biasanya digunakan

dalam pergaulan seharian yang ditujukan kepada orang yang tidak memiliki hubungan kekerabatan. Perbualan berbentuk formal atau tidak formal pula bergantung kepada status sosial orang yang dilawan bercakap. Kajian ini menunjukkan bahawa kata sapaan berbentuk formal ini sering kali digunakan dalam pertuturan. Perkara ini disebabkan tenaga pengajar lebih banyak menggunakan pendekatan penggunaan berbentuk formal berbanding bahasa tidak formal.

#### b) Gelaran Ikhtisas

Bentuk kata sapaan kedua yang dianalisis ialah gelaran ikhtisas. Gelaran ini kebiasaannya digunakan untuk pengiktirafan kepakaran dalam bidang masing-masing. Pengkhususan gelaran ini merujuk kepada pekerjaan, akademik, keagamaan dan adat istiadat. Dalam konteks kajian ini, gelaran ikhtisas digunakan secara umum mengikut situasi.

**Jadual 3:** Bentuk Gelaran Ikhtisas

Kata Sapaan	Contoh
Doktor	Penjaga kaunter : Selamat pagi, boleh saya bantu? Pesakit : Selamat pagi cik, boleh saya berjumpa doktor?
Profesor	Ma yuan: Saya mahu ke kelas Profesor Aliza? Shen xiu ling: Jom.

Dapatan dalam Jadual 3 menunjukkan penggunaan gelaran ikhtisas mengikut situasi, iaitu situasi kata sapaan yang berlaku di klinik. Dalam situasi berikut, pesakit bertanya kepada pekerja di klinik untuk berjumpa dengan 'Doktor'. Panggilan 'Doktor' merujuk kepada jawatan yang disandang oleh individu dalam bidang perubatan. Panggilan ini juga membuktikan bahawa gelaran ikhtisas yang disandang sebagai barisan hadapan sangat penting untuk membantu masyarakat umum. Begitu juga dengan gelaran akademik untuk merujuk kepada pangkat yang disandang oleh individu dalam bidang akademik, iaitu 'Profesor'. Penggunaan perkataan ini disebut oleh pelajar yang sedang mengikuti pengajian pada peringkat yang lebih tinggi berbanding di sekolah. Oleh itu, gelaran ikhtisas ini disandarkan kepada panggilan kepada perjawatan yang disandang dalam bidang kepakaran masing-masing.

#### c) Kata Ganti Nama

Kata sapaan juga boleh hadir dalam bentuk kata ganti nama pertama, kedua dan ketiga. Kata sapaan ini diperincikan kepada empat kategori, iaitu mengikut status, umur, situasi dan keakraban (Asmah Omar, 2009). Begitu juga dengan kajian berkaitan kata ganti nama yang dijalankan oleh Nor Sahara Mesman dan Fatina Bakar (2023) menyatakan bahawa penerapan nilai budi dan adab sopan masyarakat dalam hubungan sosial dapat menjadikan hubungan dijalinakan secara harmoni. Oleh itu, dapatan analisis kajian terhadap bentuk kata ganti nama ini dapat dilihat seperti yang berikut:

Jadual 4 Bentuk Gelaran Kata Ganti Nama

Kata Sapaan	Kata ganti Nama	Contoh
Saya	Pertama	Alice: Saya sangat lapar. Mai Jiexin: Jom, makan bersama-sama.
Zahid		Faysal: Zahid lihat sana. Nampak seperti Feroz. Zahid: Ya, itu Feroz.
Awak	Kedua	Ling Hui hui: Awak apa khabar? Ma Yuan : Baik.

Analisis dapatan daripada Jadual 4 menunjukkan terdapat penggunaan kata sapaan bagi kata ganti nama diri pertama, iaitu 'saya' dan nama individu yang dilawan bertutur tersebut, iaitu 'Zahid'. Analisis ini juga mendapati bahawa kategori bagi penggunaan kata sapaan merujuk kepada keakraban dan situasi merujuk kepada kata ganti nama kedua, iaitu perkataan 'awak'. Dalam konteks penggunaan kata ganti nama tersebut, situasi yang berlaku merupakan semasa perbualan bersama rakannya. Oleh itu, kata ganti nama ini menjurus kepada komunikasi yang berlaku dalam komuniti yang masih dikenali.

## Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Kata Sapaan

### a) Perbezaan Budaya

Perbezaan budaya menjadikan cara menyapa mempunyai keunikan yang tersendiri. Walaupun cara menyapa ini kelihatan mudah, tetapi bagi pelajar yang mempelajarinya mereka lebih selesa dengan cara tersendiri. Pengajaran bahasa memberi fokus dalam konteks mengikut masa, misalnya waktu pagi perlu diucap dengan selamat pagi. Walau bagaimanapun, pelajar ini lebih mudah dengan mengucapkan 'hi' dan 'helo' apabila bertemu dengan orang yang dilawan bertutur. Perkara ini dapat dilihat melalui contoh yang berikut:

1. *Hai*, kami datang ke Malaysia kali ini dan ia adalah perjalanan yang tidak dapat dilupakan.
2. *Helo*, Saya sungguh lapar.

Analisis dapatan menunjukkan contoh perbualan yang dituturkan oleh pelajar antarabangsa bersama rakannya. Pelajar ini datang daripada latar belakang budaya yang berbeza, iaitu dari negara China dan Bangladesh. Analisis kajian mendapati bahawa perkataan 'hi' dan 'helo' dipilih dan diguna pakai oleh pelajar antarabangsa berdasarkan budaya sapaan yang sering diungkapkan di negara mereka. Kebiasaan ini akan menjadikan pelajar antarabangsa sukar untuk mengadaptasi ke budaya lain apabila berada di tempat yang berbeza dengan budaya mereka. Oleh hal yang demikian, pembelajaran bahasa Melayu dapat memberi *kefahaman* berkaitan konteks budaya di sebalik setiap sapaan. Sebagai contoh, 'Assalamualaikum' bukan sahaja ucapan yang dituturkan pada setiap pertemuan, tetapi juga membawa makna dalam menerangkan agama rasmi negara Malaysia, iaitu agama Islam. Menurut Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli et al. (2019), elemen budaya Melayu perlu diserapkan dalam pengajaran bahasa Melayu dan seterusnya diperluas dalam kurikulum bahasa Melayu. Namun, penyediaan bahan mengajar juga perlu mengambil kira keperluan penutur asing, dari aspek jarak, masa, dan teknologi masa kini (Junaini Kasdan et al., 2019). Oleh itu, penyerapan budaya dalam pembelajaran bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa dapat memberikan penerangan tentang nuansa budaya Melayu, sekali gus dapat membantu penutur asing untuk menggunakan sapaan dengan sewajarnya, di samping menghormati budaya orang yang dilawan bertutur.



## **b) Kosakata Terhadap**

Pertuturan bahasa yang tidak dikuasai oleh penutur asing sudah tentu akan menyukarkan komunikasi dengan orang yang dilawan bertutur. Pandangan berkaitan ketidakupayaan pelajar asing ini dalam menggunakan kosakata bahasa Melayu disebabkan keterhadapan pengetahuan linguistik dan kosakata (Zuraini Ramli, 2018). Kurang kosakata pula menjadikan pelajar hanya mengikut perkataan-perkataan yang diberikan oleh pengajar. Kosakata terhadap sering kali berlaku terhadap penutur asing yang mempelajari bahasa lain secara asas. Hakikatnya, pelajar masih lagi berusaha untuk mendalami, mengingat dan menggunakan bahasa Melayu dengan cermat dan teliti. Pada peringkat permulaan pembelajaran bahasa Melayu akan menimbulkan rasa rendah diri kerana tidak dapat mengingat dan berasa bimbang sekiranya perkara yang dituturkan adalah salah. Oleh hal demikian, dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu pelajar disarankan memulakan dengan cara menyapa. Kaedah menyapa ini merupakan tahap awal perbualan untuk berkomunikasi dengan orang yang dilawan bertutur. Walaupun penutur asing masih belum boleh menyesuaikan diri dengan penggunaan, tetapi pelajar antarabangsa cuba untuk memahami bahasa yang dipelajari. Pada awalnya, pelajar antarabangsa mengungkapkan rasa malu dan risau sekiranya menyebut dengan salah. Pada akhirnya, pelajar menyedari bahawa mereka memerlukan lebih kosakata untuk berkomunikasi. Dapatan daripada analisis kajian ini memperlihatkan penggunaan kosakata yang terhadap seperti contoh yang berikut:

1. Rayshea: Apa khabar?  
Nick : Khabar baik.
2. Faysal : Jom tegur mereka.  
Zahid : Jom.
3. Azmina : Kenapa tidak hadir semalam?  
Ailiya : Kurang sihat.
4. Aliya : Jumpa lagi  
Ahmed : Ok.

Dapatan kajian dipetik daripada teks perbualan yang ditulis oleh pelajar antarabangsa untuk memenuhi tugas main peranan. Gambaran kepada tugas ini ialah pelajar antarabangsa perlu memasukkan elemen kata sapaan dalam video yang dibangunkan, kemudian dihantar kepada tenaga pengajar untuk dinilai. Analisis dapatan kajian terhadap penggunaan kata sapaan mendapati bahawa pembelajaran kata sapaan ini lebih banyak berbentuk formal. Perkara ini disebabkan oleh perbezaan bahasa, iaitu mempelajari bahasa yang baharu dan asing bagi mereka. Begitu juga dengan perbezaan budaya menyebabkan bahasa yang diadaptasi mengambil masa yang lama untuk dihadam dan dipelajari oleh penutur antarabangsa. Menurut Junaini Kasdan et al. (2019), penutur asing agak sukar untuk membezakan ucapan sapaan yang perlu digunakan. Oleh itu, antara cadangan yang boleh digunakan oleh pelajar untuk menguasai kata sapaan adalah dengan cara pengulangan. Pengulangan bagi setiap unit yang diajarkan dapat memudahkan dan membiasakan pelajar antarabangsa menggunakan bahasa Melayu dengan tepat (Nor Sahara Mesman et al., 2023). Justeru, untuk memastikan pelajar antarabangsa mempelajari kata sapaan, kaedah pengulangan merupakan kaedah yang membolehkan pelajar antarabangsa menguasai kosakata bahasa Melayu dengan baik.

## **Strategi Pengajaran Bahasa Melayu**

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa penerimaan kosakata bahasa Melayu ini untuk tujuan komunikasi, iaitu komunikasi antara pelajar tempatan dan persekitaran tempat belajar. Pelajar antarabangsa akan berasa tidak kekok sekiranya dapat diberi peluang untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Fearch (1984) membincangkan berkaitan pembelajaran bahasa asing dengan dua sudut yang berbeza, iaitu pertama komunikasi sebagai satu sistem dan peraturan dalam bahasa dan kedua berfungsi untuk tujuan komunikasi. Penelitian yang

dibuat oleh pengkaji ini memberi impak kepada strategi pengajaran guru, khususnya kepada pembelajaran bahasa Melayu melibatkan pelajar antarabangsa. Oleh itu, penekanan terhadap strategi pengajaran amat penting bagi menentukan corak pembelajaran pelajar antarabangsa.

Pengajaran bahasa Melayu bagi penutur asing ini memerlukan penelitian yang terperinci dan usaha yang lebih mendalam. Tenaga pengajar perlu meletakkan diri sebagai pelajar untuk mengetahui tahap kesukaran untuk mempelajari bahasa Melayu. Menurut Siti Saniah Abu Bakar (2013), strategi pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar antarabangsa ini berbeza antara individu dengan melihat kepada aspek umur, motivasi, kebolehan dan gaya pembelajaran. Pelajar akan lebih menghargai tenaga pengajar yang dapat memahami tahap kesukaran dan cuba merungkaikan kesukaran ini dengan cara berkomunikasi dengan pelajar. Misalnya dalam konteks pengajaran, tenaga pengajar boleh refleksi semula pengajaran dengan cara bertanya soalan dan meminta pelajar mengulang perkataan yang diajarkan. Sekiranya pelajar masih mempunyai usaha untuk bertutur dengan mencari atau memadankan perkataan yang cuba diingati, tenaga pengajar harus sabar menanti dengan memberikan masa kepada pelajar. Jika tempoh masa yang diberi agak lama, tenaga pengajar boleh membantu pelajar untuk menyebutnya semula. Cara ini sekaligus dapat membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

Selain itu, dalam melaksanakan kaedah pengajaran bahasa ini pelbagai strategi yang boleh digunakan oleh tenaga pengajar. Kaedah pelbagai aktiviti ini juga dapat digabungkan dengan beberapa kaedah seperti dengar dan ajuk, kaedah terus dan terjemah. Kaedah ini mempunyai ciri yang baik dan dinamakan sebagai kaedah elektif (Kalsum, 2003). Antara strategi yang dapat dilaksanakan, iaitu dengan memperbanyak latihan berdasarkan situasi yang pelbagai, khususnya dalam aktiviti main peranan. Misalnya, situasi di dalam kelas. Pelajar diminta untuk memberi sapaan kepada pensyarah, rakan-rakan dan kakitangan universiti. Dengan cara ini, kata sapaan akan diaplikasi oleh pelajar mengikut tempoh masa yang diucapkan. Begitu juga dengan tugas yang diberikan perlu memasukkan elemen kata sapaan bagi memastikan pelajar tahu mengaplikasi mengikut situasi dan masa apabila berucap. Apabila menjadi kebiasaan, lama-kelamaan akan bertukar menjadi keseronokan dalam mempelajari bahasa Melayu.

Selain itu, strategi pengajaran dengan memulakan ucapan secara asas dan ucapan yang biasa diucapkan seperti 'selamat pagi', 'selamat petang', dan 'terima kasih' perlu diberi penekanan kerana frasa ini ialah frasa asas yang digunakan oleh pelajar antarabangsa dengan kerap dalam interaksi harian. Kemudian, disusuli pula dengan latih tubi sebutan bahasa Melayu oleh pelajar. Guru boleh memperhatikan dan mendengar sebutan yang dilafaz bagi setiap sapaan. Sebutan bahasa Melayu mungkin agak berbeza daripada bahasa Inggeris, jadi perlu didengar dengan teliti dan berlatih bercakap dengan kuat. Pelajar juga perlu meniru cara sebutan penutur asli untuk meningkatkan loghat dan intonasi seperti penutur bahasa Melayu. Maklum balas dan pembedaan oleh guru juga sangat penting untuk meningkatkan sebutan dan penggunaan sapaan bahasa Melayu. Pelajar perlu berlapang fikiran untuk menerima pembedaan dan menggunakannya sebagai peluang pembelajaran.

Aktiviti yang dipelbagaikan akan memberi impak kepada pembelajaran pelajar. Sekiranya penekanan yang diberikan mengikut situasi, aktiviti pembelajaran diluar kelas juga perlu diberikan perhatian. Selain menimba pengalaman, pelajar dapat berinteraksi dengan penutur tempatan seterusnya dapat mendengar cara dan lafaz sebutan daripada penutur natif bahasa Melayu. Oleh itu, memperbanyak latihan dan mempraktikkan penggunaan bahasa boleh meningkatkan penguasaan dalam komunikasi, sama ada secara lisan atau tulisan sekaligus penguasaan kosa kata dapat diperkukuh (Nurmasturah Jamil et al., 2020). Cara ini juga dapat membantu pelajar menguasai bahasa Melayu dengan cepat disebabkan keberanian pelajar untuk menuturkan bahasa Melayu secara langsung dengan penutur jati bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, sejak wabak COVID-19 melanda hampir seluruh dunia, pembelajaran diteruskan dalam talian. Pembelajaran menggunakan teknologi seperti permainan video dapat membantu pengembangan kosa kata bahasa Melayu (Haslinda Abu Bakar & Mohd Azam Othman, 2018). Begitu juga dengan strategi menggunakan pendekatan permainan bahasa dapat memudahkan pelajar menggunakan kata sapaan dengan baik mengikut situasi yang berbeza (Siti Hajar Abdul Aziz & Nor Raudzah Md Noor, 2014).

Justeru, pengajaran bahasa kepada pelajar asing ini memerlukan tumpuan pengajaran komunikatif, terutamanya di dalam kelas. Komunikasi yang berlangsung memberi peluang untuk pelajar mengetahui kesilapan dan refleksi kepada sebutan yang ditutur. Kesilapan yang sering berlaku dalam pertuturan merupakan proses semula jadi dalam pembelajaran dan bukan disebabkan oleh faktor pelajar, faktor guru mahupun faktor silibus. Mempelajari bahasa baharu, terutama bahasa Melayu memerlukan masa

dan kesabaran daripada kedua-dua pihak sama ada tenaga pengajar atau pelajar. Pelajar antarabangsa perlu konsisten dalam pembelajaran dan perlu menetapkan matlamat pembelajaran, walaupun terdapat halangan.

## KESIMPULAN

Keseluruhannya, penggunaan kata sapaan ini dapat dikaitkan dengan kesantunan berbahasa oleh penutur dengan menitikberatkan kepada nilai kesantunan dan amalan hormat-menghormati dalam kehidupan seharian. Dengan kata lain, kesantunan berbahasa ini dapat mengeratkan hubungan sosial dalam masyarakat. Oleh hal yang demikian, dalam konteks pendidikan bahasa pula, pembelajaran kata sapaan bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa ini terdiri daripada empat prinsip, iaitu pemerhatian, mengingat, reproduksi dan motivasi. Selain itu, strategi pengajaran bahasa amat penting dengan menggunakan pendekatan komunikatif dan perlu diberi tumpuan dalam pengajaran bahasa di dalam kelas untuk mengalakkan pelajar antarabangsa mengingat dan menggunakan bahasa Melayu dengan efektif. Pada masa yang sama, kaedah komunikatif ini dapat memberi peluang berinteraksi pelajar dengan penutur natif di samping dapat mengetahui kekangan yang dihadapi oleh pelajar. Sehubungan itu, teknik pengajaran bahasa Melayu perlu dipelbagaikan supaya dapat menarik minat dan dapat memudahkan komunikasi pelajar antarabangsa untuk memahami dan menguasai bahasa Melayu dengan berkesan.

## RUJUKAN

- Asmah Omar. (2009). *Nahu Melayu mukhtahir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alice Alim. (2018). Bahasa Melayu sebagai bahasa asing: Kajian kes pelajar China di Universiti Malaysia Sabah. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 5(2), 157-168.
- Dilah Tuah. (2018). Mengajar Bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Sarawak: Pengalaman dan cabaran. *Pengajaran bahasa, budaya dan pendidikan*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Nor Sahara Mesman, Nur Hidayah Rashidi, Diana Jumadi & Muhammad Fawiz Bakri. (2023). Perancangan penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa semasa mengikuti pembelajaran dalam talian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4), 301-309.
- Nor Sahara Mesman & Zulkarnain Abd Majid. (2021). Kajian kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) membendung Covid-19 Fasa 2. *International Journal of Education and Pedagogy*, 3(1), 195-202.
- Junaini Kasdan, Yusmaniza Mohd Yusoff, Nor Hashimah Jalaluddin, & Hasnah Mohamad. (2018). Pembangunan Kit Video Pembelajaran Bahasa Melayu Penutur Asing Berteraskan Budaya. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 144–157. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.11.2018>
- Nor Sahara Mesman & Fatina Bakar. (2023). Penggunaan kata ganti nama dalam dialek Pahang: Analisis Hikayat Panjang Pendek. *International Journal of Social Science Research*, 5(2), 97-104.
- Joyson John & Kartini Abd. Wahab. (2021). Kata sapaan dalam bahasa Dusun dialek Bundu. *Jurnal Melayu [Isu Khas]*, 635-650.
- Khuzaiton Zakaria, & Thana Abdullah. (2014, Jun 11-12). *Mengajar bahasa Melayu kepada penutur asing dan cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia* [Sesi persidangan]. PDE Professional Development in Education Conference 2014, Park Hotel Bandung, Indonesia.
- Nurmasturah Jamil, Noor Asliza Abdul Rahim, & Shuhairimi Abdullah. (2020). Penguasaan kosa kata dalam komunikasi bahasa asing. *Journal of Human Development and Communication*, 9, 99-108.
- Nurul Shahida Jamil. (2017). Kebimbangan pelajar antarabangsa dalam mempelajari Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei*, 35, 30-40.
- Juwairiah Osman & Mardian Shah Omar. (2021). Aplikasi Teknologi dan Motivasi dalam Kemahiran Berbahasa Melayu untuk Penutur Asing. *Jurnal Linguistik*, 25(2), 20-32.
- Metzger, L. (2020). Keragaman Bahasa-bahasa Asia. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 1–6. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.fa.1.2020>
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2018). *Kekangan Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing*. [Sesi persidangan]. International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL), Kuching, Sarawak.

- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, Shahlan Surat & Jamaludin Badusah.  
(2019). Aspek budaya Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa asing.  
*PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 121–133.  
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol10.9.2019>
- Zuraini Ramli. (2018). *Psikolinguistik dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.